



INSURED : SAMPLE INSURED

AMAUN MUKA : 10,000.00

PELAN : AIA Starter Plan

NOMBOR POLISI : 0000000A00

NOV 24, 2017 : **TARIKH POLISI**

NOV 24, 2017 : **TARIKH
PENYERTAAN**

NOV 24, 2018 : **TARIKH MATANG/
TAMAT TEMPOH**

Kami akan, tertakluk kepada peruntukan Polisi ini, membayar manfaat yang diperuntukan di bawah Polisi ini setelah berpuas hati bahawa keadaan di mana manfaat boleh dibayar telah berlaku semasa Polisi ini berkuatkuasa.

Pelan insurans asas dan kontrak tambahan, sekiranya ada, yang diperuntukan oleh polisi ini dengan amaun perlindungannya, ada dinyatakan di dalam Jadual Perlindungan, manfaat dan Premium di Halaman Maklumat Polisi. Hak untuk manfaat, pengecualian manfaat, syarat-syarat bayaran dan lain-lain maklumat polisi dinyatakan di dalamnya.

Dikuatkuasakan dan ditandatangani oleh Kami pada Tarikh Penyertaan Polisi ini seperti yang dinyatakan dalam Halaman Maklumat Polisi.

Pendaftar

Ketua Pegawai Eksekutif

Duti Setem Berbayar

**HALAMAN MAKLUMAT POLISI****DATA POLISI****INSURED :** SAMPLE INSURED**AMAUN MUKA:** 10,000.00**TARIKH POLISI :** NOV 24, 2017**PELAN :** AIA Starter Plan**TARIKH PENYERTAAN :** NOV 24, 2017**NOMBOR POLISI :** 0000000A00**TARIKH MATANG/TAMAT TEMPOH:** NOV 24, 2018**UMUR :** 35
PENGESAHAN: TIDAK**JANTINA:** LELAKI**MATA WANG :** RINGGIT MALAYSIA**PEMILIK :** SAMPLE INSURED

POLISI INI ADALAH TANPA PENYERTAAN

JADUAL MANFAAT DAN PREMIUM

Jenis Perlindungan	No. Borang	Tarikh Matang/ Tamat Tempoh	Jumlah Manfaat* (RM)	Premium (RM)	Tarikh Tamat Premium
Kematian		11/24/2018	10,000	XX.XX	11/24/2018

PREMIUM BULANAN: RM XX.XX
JUMLAH AMAUN PERLU BAYAR: RM XX.XX

CARUMAN PERLU DIBAYAR PADA TARIKH POLISI DAN CARUMAN YANG TERKEMUDIAN PERLU DIBAYAR TERDAHULU SETIAP SATU BULAN TERTAKLUK KEPADA TERMA DAN SYARAT POLISI

*Melambangkan had-had manfaat dan manfaat sebenar yang boleh dibayar mengikut terma-terma perlindungan

TAKRIFAN ASAS

Dalam Polisi ini:

“Kenalan Bersekutu Rapat” bermaksud mana-mana individu yang saling berhubung dan berkait rapat dengan Entiti, sama ada secara sosial atau profesional.

“Entiti” bermaksud mana-mana individu, badan, organisasi, institusi, penubuhan, operasi yang:-

- (a) disekat, dilarang atau dibataskan di bawah resolusi Bangsa-bangsa Bersatu (UN) atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah (EU), United Kingdom atau Amerika Syarikat, atau sebarang dari negerinya, dan/atau sebarang undang-undang atau peraturan-peraturan sekatan ekonomi atau perdagangan lain yang berkenaan (“Entiti Yang Disekat”); atau
- (b) bekerja, menggaji, berdagang, atau menjalankan perniagaan dengan Entiti Yang Disekat dalam apa jua cara.

“Tarikh Tamat Tempoh” bagi Polisi ini bermaksud tarikh yang tertera dalam Halaman Maklumat Polisi di mana Polisi akan tamat dan bagi manfaat berkenaan di bawah Polisi ini bermaksud tarikh seperti yang tertera pada Jadual Manfaat dan Premium pada Halaman Maklumat Polisi, di mana manfaat ini akan tamat.

“Amaun Muka” bererti amaun insurans dalam Polisi ini apabila ia dikeluarkan dan dinyatakan pada Halaman Maklumat Polisi. Jika Amaun Muka dikurangkan kemudiannya mengikut terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini, maka amaun yang berkurangan selepas pindaan tersebut akan menjadi Amaun Muka.

“Insured” merujuk kepada orang yang nama dan butir-butir peribadinya dikenal pasti di bawah Halaman Maklumat Polisi.

“Tarikh Penyertaan” atau **“Tarikh Mula”** adalah tarikh apabila perlindungan di bawah Polisi ini mula berkuatkuasa. Tarikh Penyertaan yang dinyatakan pada Halaman Maklumat Polisi dan Tarikh Mula adalah tarikh sebarang endorsan dikeluarkan, yang dinyatakan pada endorsan yang berkaitan bilamana terma-terma dan perlindungan asal Polisi ini diubah kemudiannya. Tarikh Mula juga adalah tarikh kelulusan pengembalian semula Polisi ini jika berlaku sebarang pengembalian semula.

“Tanpa Penyertaan” bermaksud Polisi Anda tidak akan serta dalam keuntungan perniagaan insurans hayat Kami.

“Pemilik” bermaksud orang yang menguatkuasakan Polisi ini.

“Polisi” merujuk kepada AIA Starter Plan.

“Ulang Tahun Polisi” merujuk kepada tarikh yang sama setiap tahun dengan Tarikh Polisi.

“Tarikh Polisi” seperti yang tercatat pada Halaman Maklumat Polisi adalah tarikh yang digunakan untuk menentukan Ulang Tahun Polisi, Tahun Polisi, Bulan Polisi dan tarikh genap tempoh premium.

“Tahun Polisi” merujuk kepada tempoh dua belas (12) bulan di antara dua (2) Ulang Tahun Polisi.

“Ahli Keluarga” bermaksud suami atau isteri, pasangan, adik-beradik, anak, ibubapa atau ibubapa mertua atau pasangan kepada Entiti. Adik-beradik, anak, ibubapa atau ibubapa mertua atau pasangan termasuk hubungan biologi dan bukan biologi.

“Kami” atau **“Syarikat”** merujuk kepada AIA Bhd.

“Anda” bererti Pemilik Polisi ini seperti yang dinyatakan pada Halaman Maklumat Polisi.

Bilamana konteksnya menghendaki, bentuk jantina lelaki juga termasuk jantina perempuan dan istilah tunggal juga termasuk jamak.



PERUNTUKAN AIA STARTER PLAN

Polisi Anda dinamakan AIA Starter Plan. Polisi ini adalah Polisi insurans bertempoh satu (1) tahun yang akan tamat pada Tarikh Tamat Tempoh seperti yang dinyatakan pada Halaman Maklumat Polisi. Premium perlu dibayar sehingga tarikh tamat premium yang dinyatakan pada Halaman Maklumat Polisi atau atas penamatan Polisi ini, yang mana berlaku lebih awal.

Polisi Anda menyediakan manfaat berikut, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di bawah.

MANFAAT

Manfaat Kematian

Apabila Insured meninggal dunia semasa Polisi ini berkuatkuasa dan sebelum Tarikh Tamat Tempoh, maka Kami akan membayar kepada Anda, Penerima (Penerima-penerima) Namaan atau Pemegang Amanah, Amaun Muka, kurang sebarang keterhutangan. Selepas itu, Polisi ini akan tamat.

Ketua Pegawai Eksekutif



PERUNTUKAN AM

KONTRAK POLISI

Polisi ini dikeluarkan sebagai balasan bagi bayaran premium seperti yang dinyatakan dalam Halaman Maklumat Polisi dan menurut:

- (i) jawapan yang diberikan oleh Anda dan/atau Insured dalam borang permohonan/borang cadangan atau sebarang soal selidik kemudiannya yang diberikan oleh Kami mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan cadangan Anda dan sebarang pendedahan yang dibuat oleh Anda di antara masa penyerahan permohonan/cadangan Anda dan masa kontrak ini dimeterai; dan
- (ii) laporan perubahan dan sebarang laporan dan soal selidik lain;

(secara kolektif dirujuk sebagai 'maklumat penting')

dan maklumat penting tersebut akan membentuk sebahagian daripada kontrak insurans ini antara Kami dan Anda. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata prakontrak yang dibuat berkaitan dengan maklumat penting tersebut, hanya remedi dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 sahaja yang akan terpakai.

Sekiranya anda dikehendaki oleh Kami, sebelum Polisi diperbaharui atau diubah, untuk menjawab sebarang soalan atau jika Anda dikehendaki mematuhi atau meminda apa-apa perkara yang sebelum ini didedahkan oleh Anda kepada Kami berkaitan dengan Polisi ini, adalah menjadi kewajipan anda untuk mengambil segala langkah yang sewajarnya untuk tidak membuat salah nyata apabila menjawab soalan tersebut atau mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang didedahkan sebelum ini.

Anda mestilah memaklumkan kepada Kami mengenai sebarang perubahan pada maklumat yang telah diberikan kepada Kami dalam jawapan anda atau berkaitan dengan apa-apa perkara yang telah didedahkan kepada Kami sebelum ini berkaitan dengan Polisi ini jika perubahan tersebut telah berlaku selepas Anda mengemukakan permohonan pembaharuan/perubahan tetapi sebelum Polisi ini diperbaharui atau diubah.

KETIDAHBOLEHTANDINGAN

Kami boleh membatalkan perlindungan insurans Insured dan menolak semua tuntutan dalam mana-mana hal berikut:

- (i) Jika sebarang perakuan atau kenyataan palsu dibuat untuk menyokong mana-mana tuntutan, walaubagaimanapun jika salah nyataan adalah cuai atau ikhlas, Kami berhak dalam budi bicara mutlak Kami;
- (ii) membatalkan perlindungan insurans ini dan menolak semua tuntutan, dalam hal ini Kami akan membayar balik premium yang dibayar tanpa faedah. Pembayaran ini akan menjadi pelepasan sepenuhnya dan secara sah dari sebarang liabiliti di bawah perlindungan insurans ini; atau
- (iii) mengambil mana-mana remedi yang diperlukan berdasarkan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

BUNUH DIRI

Sekiranya Insured, sama ada siuman atau tidak siuman, membunuh diri dalam masa satu (1) tahun dari Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian, maka liabiliti Kami dibataskan kepada pemulangan semula premium yang dibayar tanpa faedah. Selepas itu, Polisi ini akan ditamatkan.

SALAH NYATA UMUR DAN/ATAU JANTINA

- (i) Umur yang dinyatakan dalam Halaman Maklumat Polisi adalah umur yang terdapat dalam permohonan Anda. Umur tersebut adalah umur terakhir hari jadi Insured pada Tarikh Polisi.
- (ii) Sekiranya umur dan/atau jantina telah disalahnyata, premium dan/atau manfaat yang perlu dibayar akan diselaraskan berdasarkan umur dan/atau jantina Insured yang sebenarnya.

Sekiranya Insured tidak layak untuk insurans pada umur dan/atau jantina yang sebenar, Polisi ini akan



menjadi tidak sah dan Kami akan membayar balik kepada Anda premium yang telah dibayar tanpa faedah.

- (iii) Bayaran manfaat-manfaat di bawah Polisi ini akan hanya dibuat dengan syarat umur dan/atau jantina Insured disahkan dan dipastikan. Umur dan/atau jantina Insured akan disahkan dan dipastikan jika bukti dikemukakan kepada Kami.

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN

Polisi ini akan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan Mahkamah-mahkamah Malaysia akan mempunyai bidang kuasa untuk menyelesaikan sebarang tuntutan yang mungkin timbul daripada atau yang berkaitan dengan Polisi ini.

MATA WANG DAN TEMPAT PEMBAYARAN

Semua amaun boleh dibayar sama ada kepada Kami atau oleh Kami akan dibayar dalam mata wang seperti yang dinyatakan pada Halaman Maklumat Polisi atau endorsan seterusnya. Semua amaun yang perlu dibayar oleh Kami akan dibayar di mana-mana Pejabat Kami.

KEBEBASAN DARIPADA PEMBATASAN

Melainkan dinyatakan sebaliknya, Polisi ini adalah bebas daripada sebarang pembatasan terhadap Insured dari segi perjalanan, tempat tinggal atau pekerjaan.

NOTIS TUNTUTAN

Notis tuntutan bertulis mestilah diberikan kepada Kami dengan serta merta atas kematian Insured.

Notis tersebut yang dikemukakan kepada Kami di Pejabat Kami dengan butir-butir yang mencukupi untuk mengenal pasti Insured, akan diterima sebagai notis kepada Kami. Sekiranya pihak menuntut gagal memberikan notis secara serta-merta, Kami tidak akan membatalkan sebarang tuntutan, sekiranya ia dapat dibuktikan tidak munasabah secara wajar untuk memberikan notis seperti itu dan bahawa notis tersebut diberikan sebaik sahaja ia munasabah secara wajar diberikan.

BUKTI KEMATIAN

Kami, atas menerima notis seperti itu, akan memberikan pihak menuntut borang-borang yang berkenaan untuk memfailkan bukti kematian. Sekiranya borang tersebut tidak dilengkapkan dalam masa lima belas (15) hari, pihak menuntut dengan bukti bertulis yang meliputi kejadian dan keadaan kematian di atas tuntutan yang dibuat hendaklah dianggap telah mematuhi syarat peruntukan ini.

MEMFAIL BUKTI KEMATIAN

Bukti kematian mestilah dikemukakan kepada Kami dalam masa sembilan puluh (90) hari dari tarikh kematian.

TEMPOH PERCUBAAN

Anda berhak membatalkan Polisi ini dengan mengemukakan notis bertulis dan mengembalikan Polisi ini kepada Kami. Premium yang telah dibayar selepas ditolak sebarang perbelanjaan yang mungkin digunakan untuk sebarang pemeriksaan perubatan akan dibayar balik kepada Anda. Notis tersebut hendaklah ditandatangani oleh Anda dan diterima terus oleh Kami dalam masa lima belas (15) hari selepas Anda menerima Polisi ini.

PENAMATAN

Polisi Anda akan tamat secara automatik apabila:

- (i) Insured meninggal dunia; atau
- (ii) Polisi ini tamat, dibatalkan, diserahkan atau luput;

yang mana berlaku lebih awal.

NOTIS DAN SURAT-MENYURAT

- (i) Kecuali sebagaimana disediakan, sebarang notis, permintaan, arahan atau surat-menyurat yang dikehendaki atau dibenarkan untuk diberi di bawah Polisi ini kepada Kami atau Anda haruslah dibuat secara bertulis.
- (ii) Kami akan menghantar melalui pos atau secara sendiri sebarang notis, permintaan, arahan atau surat-menyurat ke alamat terakhir Anda yang diketahui yang ada dalam rekod Kami. Ia akan disifatkan secara muktamadnya akan diterima:
 - (a) Dalam hal hantaran sendiri: pada masa penghantaran;
 - (b) Dalam hal hantaran melalui pos, sama ada berdaftar atau tidak: tujuh (7) hari selepas tarikh diposkan, jika diposkan di dalam negara, dan empat belas (14) hari jika diposkan ke alamat luar Negara; dan
 - (c) Dalam kes mel elektronik, selepas dua puluh empat (24) jam dari tarikh e-mel.

FASAL HAD DAN PENGECCUALIAN SEKATAN

- (i) Syarikat tidak akan memberi perlindungan untuk sebarang risiko dan/atau aktiviti dan tidak akan bertanggungjawab membayar sebarang tuntutan atau manfaat di bawah Polisi ini sekiranya peruntukan bagi perlindungan, pembayaran tuntutan atau peruntukan manfaat tersebut akan mendedahkan Syarikat kepada mana-mana sekatan, larangan atau batasan di bawah resolusi Bangsa-bangsa Bersatu (UN) atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah (EU), United Kingdom atau Amerika Syarikat, atau mana-mana negeri di bawahnya, dan/atau sebarang undang-undang atau peraturan-peraturan sekatan ekonomi atau perdagangan lain yang berkenaan.
- (ii) Syarikat tidak akan memberi perlindungan untuk sebarang risiko dan/atau aktiviti dan tidak akan bertanggungjawab membayar sebarang tuntutan atau manfaat di bawah Polisi ini sekiranya peruntukan perlindungan, pembayaran tuntutan atau peruntukan manfaat tersebut adalah untuk dan/atau kepada mana-mana Entiti dan/atau Ahli Keluarga/Kenalan Bersekutu Rapat mana-mana Entiti.
- (iii) Syarikat boleh menamatkan Polisi ini dengan serta-merta dan selepas itu, tidak perlu menjalankan sebarang transaksi perniagaan dengan Anda berkaitan dengan Polisi ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pembuatan atau penerimaan sebarang bayaran di bawah Polisi ini.

CUKAI, CAJ, YURAN, BAYARAN LAIN YANG DIKENAKAN OLEH UNDANG-UNDANG

Premium yang akan dibayar oleh Pemilik kepada Syarikat di bawah Polisi ini adalah tidak termasuk sebarang Cukai. Sekiranya di bawah undang-undang, Syarikat perlu membayar Cukai di atas premium yang dibayar oleh Pemilik, Syarikat akan mengira dan memungut dari Pemilik sebarang amaun yang dibayar atau perlu dibayar di bawah Polisi ini disebabkan oleh sebarang Cukai. Amaun tersebut seperti yang dikira oleh Syarikat, perlu dibayar oleh Pemilik sebagai tambahan kepada dan tanpa sebarang penolakan atau pengurangan daripada premium yang perlu dibayar kepada Syarikat di bawah Polisi ini. Cukai ditakrifkan sebagai sebarang cukai sama ada cukai semasa atau masa depan, secara langsung atau tidak langsung, termasuk cukai jualan, cukai perkhidmatan, sebarang cukai lain yang sama sifatnya, levi, impos, duti, caj, yuran, penolakan atau sebarang jenis penangguhan, dan sebarang faedah atau penalti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.

LAIN-LAIN PERUNTUKAN AM

- (i) Sebarang fasal Peruntukan Am ini yang salah, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah undang-undang Malaysia, tidak akan menjejaskan perundangan, kesahan atau penguatkuasaan mana-mana fasal lain dalam Polisi ini.
- (ii) Buku-buku dan/atau akaun-akaun Kami akan merupakan bukti muktamad tentang keadaan akaun-akaun di antara pihak-pihak dalam Polisi ini. Sebarang pengesahan oleh mana-mana pegawai Kami mengenai wang atau liabiliti yang buat sementara waktu perlu dibayar atau berbaki atau terhutang kepada Kami oleh Insured akan mengikat dan akan menjadi bukti muktamad ke atas Insured di semua mahkamah undang-undang dan di tempat-tempat lain.
- (iii) Sekiranya Kami lewat atau gagal dalam melaksanakan mana-mana hak/remedi di bawah Polisi ini, ia tidak akan berfungsi sebagai penepian hak/remedi tersebut. Mana-mana pelaksanaan tunggal/separa mana-mana hak/remedi tersebut tidak akan menghalang mana-mana pelaksanaan hak/remedi yang lain.

Hak dan remedi yang diperuntukkan dalam Polisi ini adalah kumulatif dan tidak terhad kepada mana-mana hak/remedi lain (sama ada diperuntukkan oleh undang-undang atau sebaliknya).

- (iv) Polisi ini akan terus sah dan mengikat bagi semua tujuan meskipun berlaku sebarang perubahan melalui penggabungan, perubahan nama, penyusunan semula atau sebagainya yang mungkin dibuat dalam penubuhan Kami.
- (v) Terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Polisi ini akan membentuk seluruh terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini. Tiada representasi atau kenyataan terdahulu yang tidak konsisten yang dibuat mengenai Polisi ini, sama ada secara lisan ataupun bertulis, akan membentuk mana-mana bahagian Polisi ini.
- (vi) Kami berhak untuk mengubah terma-terma Polisi ini dalam cara tertentu sebagaimana yang dianggap sesuai sekiranya berlaku perubahan undang-undang atau perubahan dalam asas levi percukaian yang terpakai kepada Kami atau Polisi ini.

PEMBATALAN

Anda boleh membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada Kami, dan dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat dalam Tahun Polisi semasa, Anda layak mendapat bayaran balik premium seperti berikut:

Tempoh Dari Ulang Tahun Polisi, tidak Melebihi	Mod Pembayaran Premium			
	Tahunan	Setengah Tahunan	Suku Tahunan	Bulanan
15 hari*	100%	100%	100%	100%
1 bulan	80%	70%	50%	Tiada Pengembalian
2 bulan	70%	50%	20%	Tiada Pengembalian
3 bulan	60%	30%	Tiada Pengembalian	Tiada Pengembalian
4 bulan	50%	20%	50%	Tiada Pengembalian
5 bulan	40%	10%	20%	Tiada Pengembalian
6 bulan	30%	Tiada Pengembalian	Tiada Pengembalian	Tiada Pengembalian
7 bulan	25%	70%	50%	Tiada Pengembalian
8 bulan	20%	50%	20%	Tiada Pengembalian
9 bulan	15%	30%	Tiada Pengembalian	Tiada Pengembalian
10 bulan	10%	20%	50%	Tiada Pengembalian
11 bulan	5%	10%	20%	Tiada Pengembalian
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada Pengembalian	Tiada Pengembalian	Tiada Pengembalian	Tiada Pengembalian

*Tertakluk kepada klausa Tempoh Percubaan di atas.



PERUNTUKAN PEMILIK

PEMILIK

Anda adalah Pemilik Polisi ini, seperti yang dinyatakan di dalam Halaman Maklumat Polisi, sehingga berlaku sebarang pindaan. Sebagai Pemilik, hanya Anda boleh, semasa hayat Insured, melaksanakan semua hak, keistimewaan dan pilihan yang diperuntukkan di bawah Polisi ini tertakluk kepada kebenaran bertulis daripada pemegang (pemegang-pemegang) amanah dan hak-hak pemegang serah hak, jika ada.

PENERIMA NAMAAN

- (i) Pemilik/Anda yang juga merupakan Insured boleh menamakan orang untuk menerima sebarang wang yang perlu dibayar atas kematian Anda. Anda boleh menamakan Penerima (Penerima-penerima) Namaan pada masa permohonan Anda atau pada bila-bila masa selepas Polisi ini diterbitkan dalam borang yang ditetapkan oleh Kami.

Anda berhak, tertakluk kepada sebarang kekangan undang-undang, untuk membatalkan sebarang penamaan tersebut dan/atau menamakan Penerima (Penerima-penerima) Namaan lain secara bertulis kepada Kami. Notis bertulis Anda mesti diterima dan didaftarkan oleh Kami semasa hayat Anda.

- (ii) Sekiranya Insured berniat untuk membatalkan atau menukar Penerima (Penerima-penerima) Namaan semasa, Insured mestilah Pemilik dan bukan orang Islam. Insured boleh memberi notis bertulis kepada Kami, dengan mengisi borang-borang yang sesuai dan atas kebenaran pemegang amanah (jika ada) wang Polisi ini, terus membatalkan Penerima (Penerima-penerima) Namaan yang telah dinamakan dan melantik Penerima (Penerima-penerima) Namaan lain. Prosedur ini mesti dipatuhi sekiranya:

- (a) Penerima Namaan ialah suami/isteri atau anak Insured; atau
- (b) Penerima Namaan ialah ibu bapa Insured dan semasa penamaan dibuat, Insured tiada suami/isteri atau anak yang masih hidup.

Sekiranya Penerima Namaan bukan (i) dan (ii) di atas, Insured boleh meneruskan pembatalan atau perlantikan Penerima (Penerima-penerima) Namaan dengan secara memberi notis bertulis kepada Kami, dengan mengisi borang-borang yang ditetapkan oleh Kami. Insured tidak perlu mendapatkan kebenaran daripada mana-mana pihak.

Pembatalan dan penukaran Penerima (Penerima-penerima) Namaan akan berkuatkuasa pada tarikh notis bertulis diterima oleh Kami.

- (iii) Sekiranya Anda telah melantik lebih daripada seorang Penerima Namaan, Kami akan membayar wang yang perlu dibayar dalam bahagian yang sama kepada orang yang dinamakan yang masih hidup pada masa kematian Insured, kecuali ditetapkan sebaliknya oleh Anda. Ini adalah tertakluk kepada undang-undang yang berkuatkuasa pada masa itu.

Pembayaran sedemikian dianggap pelepasan wang yang perlu dibayar yang baik di bawah Polisi ini.

- (iv) Sekiranya, apabila Insured meninggal dunia, tiada penamaan berkesan yang berkuatkuasa, atau orang yang dinamakan telah meninggal dunia, wang yang perlu dibayar itu boleh dibayar kepada wakil-wakil yang sah Anda. Ini adalah tertakluk kepada undang-undang yang berkuatkuasa pada masa itu.
- (v) Kepentingan mana-mana Penerima Namaan akan tertakluk kepada hak mana-mana penerima serah hak di bawah serahan hak mutlak atau bebanan ke atas Polisi atau yang dilampirkan pada Polisi ini.

PINDAAN TERHADAP PEMILIKAN DAN PENYERAHAN HAK

Semasa Polisi ini berkuatkuasa, Anda boleh meminda pemilikan Polisi ini dan/atau Penerima Namaan dengan memfailkan notis bertulis. Pindaan tersebut hanya sah sekiranya direkodkan oleh Kami semasa hayat Insured dan diendoskan pada Polisi ini. Kami tidak akan menanggung sebarang liabiliti bagi kesahan penyerahan hak itu.

Semua penyerahan hak akan tertakluk kepada sebarang keterhutangan di bawah Polisi ini.



PERUNTUKAN PREMIUM

BAYARAN

Semua premium untuk Polisi ini harus dibayar pada atau sebelum tarikh genap tempohnya kepada Kami. Kami akan mengeluarkan resit rasmi bagi setiap pembayaran yang diterima oleh Pejabat Kami. Walaubagaimanapun, sekiranya Anda membayar premium secara kad kredit/debit atau autodebit dari akaun bank Anda, Kami tidak akan mengeluarkan resit rasmi bagi pembayaran tersebut. Slip deposit yang disahkan atau potongan premium yang ditunjukkan dalam penyata kad kredit/debit atau penyata bank Anda akan dianggap sebagai bukti pembayaran.

PERUBAHAN

Anda boleh mengubah kekerapan bayaran premium secara permintaan bertulis kepada Kami. Tertakluk kepada keperluan minimum premium Kami, premium boleh dibayar secara tahunan, separuh tahunan, suku tahunan atau bulanan pada kadar premium yang diterima pakai pada Tarikh Penyertaan.

MUNGKIR

Selepas bayaran premium pertama, kegagalan untuk membayar premium berikutnya pada atau sebelum tarikh genap tempohnya akan menjadi mungkir bagi bayaran premium.

TEMPOH IHSAN

Tempoh Ihsan selama tiga puluh satu (31) hari dari tarikh genap tempoh akan dibenarkan untuk bayaran setiap premium berikutnya. Polisi ini akan kekal berkuatkuasa sepanjang Tempoh Ihsan. Sekiranya sebarang premium masih belum dibayar pada akhir Tempoh Ihsannya, maka Polisi ini akan luput dan tidak lagi mempunyai nilai selanjutnya.

PENGURANGAN PREMIUM SEMASA KEMATIAN

Atas kematian Insured, sebarang baki premium yang belum dibayar untuk Tahun Polisi penuh ketika kematian berlaku, hendaklah ditolak daripada perolehan yang boleh dibayar di bawah Polisi ini.

PENGEMBALIAN SEMULA

Sekiranya premium masih lagi tertunggak selepas Tempoh Ihsan dan jika Polisi ini belum diserahkan, Polisi ini boleh dikembalikan semula oleh Kami pada budi bicara Kami sebelum Tarikh Luput Polisi Anda dan juga tertakluk kepada yang berikut:

- (i) Permohonan bertulis dibuat oleh Anda untuk mengembalikan semula Polisi ini;
- (ii) Insured masih dalam lingkungan umur yang dibenarkan sepertimana yang ditentukan oleh Kami pada masa pengembalian semula;
- (iii) Insured perlu memberi bukti kebolehsuranaan yang memuaskan kepada Kami;
- (iv) Pembayaran semua premium yang tertunggak; dan
- (v) Lain-lain terma dan syarat yang mungkin dikenakan oleh Kami pada masa tersebut.



KENYATAAN MAKLUMAT POLISI

Polisi insurans hayat Anda adalah hak milik yang amat berharga dan berguna dalam membantu keluarga Anda jika sebarang ketidaktentuan berlaku di masa hadapan.

Anda mungkin tidak mempunyai masa untuk memahami segala peruntukan Polisi tersebut, tetapi adalah penting untuk Anda mengetahui manfaat-manfaat unik Polisi AIA ini. Kenyataan Maklumat Polisi ini disediakan khas dalam bahasa yang mudah bagi memaklumkan beberapa manfaat tersebut.

1. Sekiranya Polisi Anda memperuntukan Manfaat Kematian, maka Manfaat Kematian Anda akan dibayar kepada Penerima Namaan atau Pemegang Amanah Anda, jika Anda tidak hidup sehingga Tarikh Tamat Tempoh Polisi Anda.
2. (a) Bayaran premium hanya boleh dibuat secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan, mengikut kesesuaian Anda.
(b) Anda boleh membayar premium melalui mana-mana cara berikut mengikut budi bicara Kami:
 - (i) kad Visa/MasterCard;
 - (ii) Autodebit melalui bank seperti yang dinyatakan oleh Kami; atau
 - (iii) Terus kepada Kami.

Sekiranya Anda membayar premium Anda menerusi kad Visa/MasterCard atau secara autodebit, Kami tidak akan menghantar sebarang notis awal kepada Anda apabila premium Anda perlu dibayar. Tiada resit rasmi akan dikeluarkan, bagaimanapun slip deposit yang disahkan atau potongan premium yang ditunjukkan dalam penyata kad Visa/MasterCard atau penyata bank Anda akan dianggap sebagai bukti pembayaran.

3. Jika umur Insured tidak disahkan, Anda dikehendaki menghantar satu salinan Kad Pengenalan sebagai pengesahan umur apabila diminta oleh Kami.
4. Anda boleh menamakan seseorang untuk menerima wang Polisi melalui notis kepada Kami atau dengan menyatakannya dalam borang permohonan.
5. Adalah penting untuk Anda memaklumkan kepada Kami tentang sebarang perubahan pada alamat Anda atau penerima namaan Anda.
6. Anda berhak membatalkan Polisi ini dengan mengemukakan notis bertulis dan mengembalikan Polisi ini kepada Kami. Premium yang telah dibayar selepas ditolak sebarang perbelanjaan yang mungkin digunakan untuk sebarang pemeriksaan perubatan akan dibayar balik kepada Anda. Notis tersebut hendaklah ditandatangani oleh Anda dan diterima terus oleh Kami dalam masa lima belas (15) hari selepas Anda menerima Polisi ini.
7. Anda boleh menyerahkan Polisi Anda. Walaubagaimanapun, ia tidak akan menguntungkan jika Anda menyerahkan Polisi Anda.
8. Sekiranya terdapat sebarang pertikaian berhubung Polisi ini, sila tulis kepada:

AIA Bhd.
Customer Care
Menara AIA
99 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Peti Surat 10140
50704 Kuala Lumpur
Care Line: 1300 88 1899
Tel: 03-2056 1111
Faks: 03-2056 2291
E-mel: my.customer@aia.com
Laman web: AIA.COM.MY

Sekiranya terdapat sebarang pertikaian terhadap keputusan muktamad Kami berkaitan dengan Polisi ini yang melibatkan jumlah di bawah RM250,000 dan tertakluk kepada bidang kuasa Ombudsman untuk Perkhidmatan Kewangan (OFS) yang boleh didapati di www.ofs.org.my, Anda boleh merujuk pertikaian tersebut kepada OFS di alamat seperti yang dinyatakan di bawah untuk menyelesaikan pertikaian tersebut dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh keputusan muktamad Kami:

Ketua Pegawai Eksekutif
Ombudsman untuk Perkhidmatan Kewangan
(Dahulunya dikenali sebagai *Financial Mediation Bureau*)
Tingkat 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur
Tel: 03-2272 2811
Faks: 03-2272 1577
E-mel: enquiry@ofs.org.my

Jika pertikaian tersebut melebihi RM250,000 atau jika ia tidak termasuk dalam bidang kuasa OFS, Anda boleh merujuk kepada Bank Negara Malaysia untuk sebarang pertanyaan lanjut di alamat berikutnya:

Pengarah
Jabatan LINK & Pejabat Wilayah
Bank Negara Malaysia
Peti Surat 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465
Faks: 03-2174 1515
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

9. Jika Anda mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan Polisi Anda, Anda boleh menghubungi mana-mana cawangan AIA yang disenaraikan di AIA.COM.MY.

Nota:

Penerangan di atas bertujuan membantu Anda dalam memahami syarat-syarat Polisi dan tidak boleh dianggap atau ditafsir sebagai satu pengubahsuaian atau pembetulan terhadap peruntukan Polisi.